

Dewan Rakyat

Peluang tarik pelabur luar

Krisis dagang AS, China dorong banyak syarikat pindah operasi ke Asia Tenggara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Zanariah Abd Mutalib dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mampu menukar krisis perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan China ketika ini kepada peluang bagi menarik pelaburan ke negara ini.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata melalui kajian ke atas 250 syarikat konglomerat yang dijalankan baru-baru ini, sebanyak 24.7 peratus menyatakan hasrat untuk memindahkan operasinya ke Asia Tenggara termasuk Malaysia.

"Ini membuktikan Malaysia mempunyai potensi dalam menghadapi krisis ini. Sebenarnya, kita boleh menukar krisis ini menjadi peluang untuk menarik pelaburan ke negara ini," katanya. Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai) mengenai bagaimana untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan khususnya mengambil kesempatan perang dagang antara AS dan China.

Mohamed Azmin berkata, Malaysia boleh menjadi pintu masuk untuk negara luar menembusi pasaran ASEAN kerana kedudukan



Mohamed Azmin hadir pada Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen, semalam.

[Foto BERNAMA]

politik yang stabil, negara aman dan mempunyai modal insan yang berkemahiran.

"Ini semua pasti dapat menarik pelabur ke Malaysia dan kita juga mempunyai infrastruktur yang baik sama ada pelabuhan, lapangan terbang dan lebuh raya yang boleh menghubungkan negara ASEAN," katanya.

Menjawab soalan asal Awang Hashim (PAS-Pendang) mengenai kesan ke atas ekonomi Malaysia berikutan risiko ketidakpastian persekitaran global terutama antara AS dan China, Mohamed Azmin berkata, kesan daripada tindakan AS mengenakan tarif ke atas China, pelabur dari China beralih operasi perniagaan ke Asia Tenggara.

"Peralihan pelaburan ini akan

menguntungkan ekonomi Malaysia. Perang dagang ini membuka ruang kepada Malaysia untuk meningkatkan eksport komoditi ke China, terutama minyak sawit yang menjadi barangan pengganti kepada minyak soya dan jagung. "Pada Mac lalu, syarikat Malaysia berjaya menandatangani perjanjian bernilai hampir A\$900 juta bagi membekal 1.62 juta tan minyak sawit ke China.

"Dalam tempoh Januari hingga April lalu, eksport minyak sawit Malaysia ke China meningkat hampir 255,000 tan dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion," katanya.

Menjawab soalan tambahan Awang mengenai sama industri seperti elektrik dan elektronik akan terjejas kerana nilai eksport

ke China didapati menurun. Mohamed Azmin berkata, perang perdagangan antara AS dan China tidak semestinya menyebabkan industri itu dihentikan.

"Kita harus mengekalkan pertumbuhan ekonomi domestik, selain kerjasama serantau perlu dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata, di bawah Visi 2025 Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur-Brunei-Indonesia-Malaysia (BIMP-EAGA), 69 projek infrastruktur utama berjumlah A\$22.7 bilion dilaksanakan dengan 16 projek sudah pun siap.

Selain itu, di bawah Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), terdapat 41 projek kesalinghubungan fizikal bernilai A\$17 bilion.